

28 MAY 1997

Mokhtar-Belia

BELIA PERLU KEYAKINAN UNTUK BEKERJA SENDIRI ATAU SWASTA

KUALA TERENGGANU, 28 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata, para belia perlu mempunyai keyakinan diri untuk bekerja sendiri atau dengan pihak swasta dan bukan lagi berfikir untuk makan gaji di sektor awam.

Wan Mokhtar menegaskan antara trend yang diramalkan berlaku dalam kita melangkah ke abad 21 ialah pengecilan saiz sektor awam dan tumpuan terhadap sektor swasta.

Beliau berkata, apabila Bandar Puterajaya di Sepang siap nanti, kerajaan elektronik akan terbentuk dan penggunaan teknologi dan komputer dalam kerajaan akan mengurangkan penggunaan tenaga manusia.

"Yang penting bagi belia ialah keyakinan diri untuk bekerja sendiri atau dengan pihak swasta berbekalkan ilmu dan kemahiran yang dimiliki...",katanya pada perasmian Hari dan Minggu Belia Negeri di sini, hari ini.

Wan Mokhtar juga menegaskan Koridor Raya Multimedia (MSC) menuntut agar para belia membuat persediaan yang lebih rapi.

Menteri Besar berkata mereka perlu membuat persediaan awal, sekurang-kurangnya memahirkan diri dengan penggunaan komputer atau mereka nanti akan menjadi masyarakat terpinggir dalam era ledakan teknologi maklumat.

Seluruh warga belia termasuk pelajar di bangku sekolah dan institut pengajian tinggi hendaklah menganggap ia sebagai satu cabaran dan peluang yang tidak wajar diketepikan, katanya.

"Kalau Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed) menjadi pelopor kepada MSC dan Cyberjaya, maka biarlah belia Malaysia menjadi pewaris yang mampu memanfaatkan sepenuhnya kesempatan yang sedia ada yang telah dirintis itu," kata Wan Mokhtar.

Majlis itu disertai kira-kira 1,000 belia dari seluruh negeri.

-- BERNAMA

SBJ PR